

03 JUN 1999

Mahathir-Asia

DR MAHATHIR MAHU RAKYAT ASIA KEKALKAN KEKUATAN

Oleh: Khairdzir Yunus

TOKYO, 3 Jun (Bernama) -- Asia harus mengekalkan kekuatannya pada masa lampau kerana ia akan terus menjadi kekuatannya bagi masa akan datang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata adalah tidak munasabah bagi rakyat Asia untuk mengikis kekuatan masa lampaunya dan menjadi lembik dan lemah serta menyimpang daripada nilai-nilai kekeluargaan.

Katanya rakyat Asia akan melakukan kesilapan yang amat besar jika mereka menjadi tidak berdisiplin, meninggalkan kepercayaan mereka kepada keharmonian dan konsensus dan komitmen mereka kepada amalan suka menabung serta kesediaan bersusah dahulu untuk bersenang kemudian.

"Ia juga satu kesilapan untuk meninggalkan budaya suka bekerja keras, suka menimba ilmu dan semangat sanggup berkorban demi masa depan keluarga, masyarakat dan negara," katanya.

Ketika berucap pada persidangan antarabangsa, "Masa Depan Asia", anjuran Nihon Keizai Shimbun (Nikkei) di sini, Dr Mahathir berkata langkah itu tidak bererti rakyat Asia harus berpuas hati atau bersikap alpa.

"Ia juga tidak bererti memegang terus kepada kekuatan masa lampau yang tidak lagi produktif untuk menuju masa hadapan, abad baru dan alaf baru."

Beliau berkata rakyat Asia harus meneruskan usaha pembaharuan dan merekacipta semula ekonomi mereka dan setiap aspek penting dalam struktur masyarakat mereka.

"Ini yang telah kita lakukan sepanjang lebih satu generasi. Ia adalah sesuatu yang kita harus teruskan untuk seratus tahun yang akan datang," katanya.

Beliau berkata Asia pada hari ini sudah tentu berbeza berbanding 50 tahun lampau kerana rakyat Asia telah menjalankan pembaharuan dan merekacipta semula diri mereka berulang kali untuk mencapai tahap yang mereka nikmati sekarang.

"Jelas sekali kita kini perlu membuat lompatan raksasa yang seterusnya, suatu tugas yang kini dipermudahkan berikutan krisis yang telah kita lalui," katanya.

Dr Mahathir berkata adalah jelas bahawa kerajaan tidak boleh mengasingkan diri dan membiarkan pasaran bertindak liar.

"Terdapat suatu keajaiban di dalam pasaran. Terdapat juga keajaiban pada tangan yang tidak dapat dilihat. Bagaimanapun, kerap kali 'tangan yang tidak dapat dilihat' berfungsi dengan sangat baik apabila ia dibantu oleh 'tangan yang menolong' daripada pemerintah, sama ada ia dari bank-bank pusat, agensi kawalselia atau kerajaan yang dipilih atau kesemua yang diatas," katanya.

Beliau juga berkata adalah sangat penting bagi Asia supaya tidak melupakan kesilapan yang dibuat di tahun-tahun kebelakangan ini.

"Kesemua kita bersalah terhadap banyak perkara. Tidak seorangpun di antara kita yang tidak bersalah sepenuhnya. Kesemua kita telah melakukan kesilapan besar, sebahagiannya kerana mendengar nasihat daripada agensi-agensi antarabangsa yang terkenal dan berkuasa."

"Kita harus memastikan bahawa kita tidak lagi menjadi mangsa 'percakapan yang tidak rasional' yang memuji-muji kita sehingga mengakibatkan kita lupa diri dan pertimbangan," katanya.

Dr Mahathir juga memberi amaran kepada rakyat Asia mengenai satu langkah besar -- yang disengaja dan tidak disengajakan, bersepadu dan tidak bersepadu -- untuk mensejenis, menstandard, menyeragam, mematuhi dan untuk

mengadunkannya dengan ekonomi yang lain.

Beliau berkata langkah besar ini mahu menjadikan kesemua ekonomi Asia, dan sememangnya, kesemua ekonomi, ke dalam ekonomi pasaran laissez-faire Anglo-Sakson atau apa yang dianggap sebagai ekonomi pasaran laissez-faire Anglo-Sakson.

Daripada segi politik, katanya, ia mahu mengubah keseluruhan sistem politik Asia, dan begitu juga semua sistem politik di seluruh dunia, kepada demokrasi liberal Anglo-Sakson atau apa yang dianggap sebagai demokrasi liberal Anglo-Sakson.

Penceramah terkemuka pada persidangan dua hari itu yang dirasmikan hari ini termasuk Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew, Presiden Joseph Estrada dari Filipina, Menteri Luar Jepun Masahiko Koumura, Menteri Luar Indonesia Ali Alatas dan Menteri Luar Myanmar U Win Aung.

-- BERNAMA

KHY AKD